



Headline: Guru, pesara, warga emas sasaran Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 29 May 2020

Section: Nasional20

Page:

Guru, pesara, warga emas sasaran Macau Scam

JOHOR BAHRU - Guru, pesara dan warga emas menjadi sasaran utama sindiket penipuan Macau Scam di negeri ini sejak 1 Januari lalu hingga kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah komersil Johor, Asisten Komisioner Mohd Salleh Abdullah berkata, pihaknya menerima 250 laporan sepanjang tempoh itu melibatkan Macau Scam melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM10.9 juta.

“Menerusi kajian yang dibuat mendapati daripada mereka yang menjadi mangsa, sebanyak 21 kes melibatkan guru dengan kerugian RM900,296 manakala 21 kes lagi melibatkan pesara dengan kerugian lebih RM3 juta.

“Sementara 51 kes pula melibatkan golongan

warga emas dengan jumlah kerugian RM4.6 juta,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, memandang guru, pesara dan warga emas sering menjadi mangsa disarankan golongan itu memaklumkan kepada ahli keluarga terdekat dan membuat semakan dengan pihak berkuasa sekiranya dihubungi individu tertentu.

Katanya, pihaknya menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati apabila menerima panggilan daripada individu tidak dikenali atau mencurigakan.

“Ahli keluarga boleh menasihati golongan ini dan berkongsi maklumat mengenai penipuan Macau Scam untuk mengelakkan terus menjadi mangsa,” katanya.